

BAB 2

METODOLOGI

2.1 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan kaedah-kaedah kajian yang merangkumi aspek-aspek pemilihan sampel kajian, reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan data dan kaedah penganalisan data.

2.2 Pemilihan Sampel

Bahan dasar kajian ini terbatas kepada 128 ayat pasif yang terdapat dalam terjemahan surah al-Baqarah, Tafsir Al-Azhar karya Abdul Malik Abdul Karim Amrullah (HAMKA). Ayat-ayat surah al-Baqarah dipilih atas kesedaran bahawa sebelum ini kajian ayat pasif terjemahan al-Quran al-Karim belum dibuat lagi oleh para pengkaji. Di samping itu, terdapat ciri-ciri keunikan dan keistimewaan surah al-Baqarah, iaitu surah yang terpanjang di antara 114 surah dalam al-Quran al-Karim. Sebahagian besar daripada ayatnya diturunkan pada mula-mula Rasulullah s.a.w. berpindah ke Madinah. Ayat-ayatnya agak panjang, berbanding dengan surah-surah yang diturunkan di kota Mekah kerana surah ini lebih banyak memperincikan hukum-hukum syarak orang-orang Yahudi, yang bahasa Arab mereka tidak sefasih bahasa yang dipakai oleh orang Quraish di Mekah (HAMKA 1982:112).

Kajian ini menggunakan data teks terjemahan ayat-ayat al-Quran al-Karim surah al-Baqarah juz 1, 2 dan 3. Sampel yang dipilih adalah daripada binaan struktur pasif bahasa Melayu (BM).

2.3 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini berdasarkan kepada dua reka bentuk, iaitu kajian kepustakaan dan kajian teks.

2.3.1 Kajian Kepustakaan

Kaedah kajian kepustakaan amat penting kerana melalui kaedah ini segala maklumat yang berkaitan dengan bidang kajian dapat dikumpulkan. Rujukan yang meluas diperlukan bagi membolehkan kajian terperinci dapat dijalankan dan segala aspek yang berkaitan dengan bidang ini dapat diperjelaskan sebaik mungkin.

Bahan-bahan rujukan yang terdiri daripada pelbagai sumber seperti buku-buku, jurnal, kertas kerja, majalah dan rencana yang berkaitan dengan bidang dan tajuk yang dikaji dirujuk. Pandangan dan pendapat penulis-penulis akan dikaji. Maklumat-maklumat yang berkaitan akan diambil bagi memperjelas dan memperkukuh hasil kajian. Walau bagaimanapun, pengkaji sedar bahawa agak sukar untuk memperoleh bahan-bahan yang berkait langsung dengan tajuk yang dikaji kerana kajian-kajian yang pernah dilakukan berhubung dengan struktur pasif bahasa Melayu terhadap terjemahan al-Quran al-Karim amat kurang dilakukan. Kajian-kajian atau tulisan-tulisan yang pernah dibuat lebih bersifat tinjauan ringkas sahaja. Sebelum ini, pengkaji-pengkaji lebih berminat mengkaji isi kandungan ayat-ayat suci itu.

2.3.2 Kajian Teks

Teks “Tafsir Al- Azhar” karya HAMKA telah dipilih untuk dianalisis dan perhatian khusus kepada terjemahan surah al-Baqarah dalam bahasa Melayu. Pengkaji memilih Tafsir Al-Azhar terbitan Pustaka Panjimas, Jakarta 1982 kerana ketokohan pengarangnya. Tafsir Al-Azhar mula ditulis sejak 1958 dan dapat disiapkan dalam penjara selama dua tahun empat bulan, iaitu pada tahun 1966.

2.4 Kaedah Pengumpulan Data

Cara pengumpulan data yang digunakan dalam kajian ini ialah ‘ Kaedah analisis kandungan’ . Kaedah ini digunakan untuk mengkaji secara lebih objektif, sistematik dan kualitatif kandungan teks berkenaan. Kaedah ini bertujuan untuk mengenal pasti penggunaan struktur pasif dan variasi-variasinya dalam al-Quran al-Karim. Melalui kaedah analisis kandungan ini, pengkaji telah melakukan empat langkah penting, iaitu:

- i. pembacaan data
- ii. pemilihan data-data yang sesuai sebagai sampel
- iii. pembahagian data mengikut struktur binaan ayat pasif
- iv. Penganalisan struktur pasif

2.4.1 Pembacaan Data

Terjemahan surah al-Baqarah perlu dibaca keseluruhannya bagi memahami ayat-ayat yang terkandung di dalamnya. Setiap ayat diteliti untuk mengenal pasti binaan ayat

pasif. Dalam hal ini, pengkaji perlulah terlebih dahulu memahami dan menguasai binaan ayat pasif bahasa Melayu. Pengetahuan dalam bidang ini amat perlu sebagai asas untuk mengenal pasti dan memperincikan struktur-struktur binaan ayat pasif berdasarkan sampel.

2.4.2 Pemilihan Data

Peringkat kedua ialah memilih sampel untuk kajian. Pemilihan tersebut dibuat daripada sejumlah 286 ayat dalam terjemahan surah al-Baqarah. Pemilihan dibuat setelah semua data tersebut dikaji secara terperinci. Pengkajian dan penelitian dibuat dari sudut struktur binaan ayat dan semantik yang membawa maksud pasif. Semua data yang dikumpul itu dicatat dan diteliti bentuk-bentuk struktur pasif. Hasilnya, sebanyak 128 ayat pasif telah dipilih sebagai sampel untuk dianalisis.

2.4.3 Pembahagian data mengikut struktur binaan ayat pasif

Peringkat ketiga ialah membuat pembahagian sampel berdasarkan semantik dan mengikut struktur binaan ayat. Berdasarkan semantik, data ayat pasif yang terkumpul terdiri daripada ayat pasif yang terbina tidak menggunakan kata ganti nama diri, iaitu seperti yang berikut:

- (i) struktur pasif ter-
- (ii) struktur pasif ber-
- (iii) struktur pasif kena
- (iv) struktur pasif ke-...-an

Data kedua yang terkumpul ialah ayat pasif yang terbina dengan menggunakan kata ganti nama diri ketiga (KGD3), iaitu :

- (i) ayat pasif kata ganti diri ketiga dengan satu objek
- (ii) ayat pasif kata ganti diri ketiga dengan dua objek

2.4.4 Penganalisan Struktur Pasif


Data-data yang terkumpul, dianalisis dari sudut struktur dan semantik. Pembahagian akan dibuat untuk mengkategorikan data tersebut mengikut binaannya. Selepas itu dikenal pasti variasi-variasi daripada struktur permukaan data. Analisis secara terperinci akan dibuat terhadap setiap variasi yang terkumpul. Tatabahasa transformasi - generatif (TG) akan digunakan untuk menentukan struktur permukaan dan struktur dalaman setiap ayat. Huraian akan disertai dengan rajah pohon untuk memperjelaskan struktur binaan ayat secara terperinci.

2.5 Kaedah Penganalisan Data


Kajian ini dijalankan dengan cara mengutip semua bentuk ayat pasif dalam surah al-Baqarah. Ayat-ayat pasif dari berbagai bentuk telah dikumpul dan disusun mengikut struktur-strukturanya. Struktur-struktur tersebut dianalisis dan dibanding sesamanya. Pengkaji akan menggunakan teori transformasi-generatif dan kaedah penganalisan dalam kaedah transformasi segmen model Jacobs dan Rosenbaum (1968). Teori linguistik TG merupakan satu teori yang lengkap dan menyeluruh dan merangkumi semua komponen bahasa termasuk sintaksis, semantik dan fonologi (Raja Masittah Raja Ariffin 1988:109). Sama seperti model *Aspects*, model ini juga

berdasarkan pendapat bahawa ayat mempunyai struktur dalaman dan struktur permukaan. Struktur dalaman bertanggungjawab kepada interpretasi makna, sedangkan struktur permukaan pula diterbitkan daripada struktur dalaman melalui transformasi-generatif tertentu. Pendekatan ini juga digunakan oleh Nik Safiah Karim (1975) dan dua orang pengkaji lain, iaitu Sanat Md. Nasir (1976/77) dan Awang Sariyan (1984). Mereka berjaya menghuraikan bentuk-bentuk pasif dengan memuaskan. Proses penukaran struktur dalaman kepada struktur permukaan tersebut digambarkan pada penanda frasa (1) dan (2) yang berikut:


(1) Struktur Dalaman



(2) Struktur Permukaan




Konstituen Frasa Kerja (FK) telah mengalami penerapan fitur < + pas > pada Kata Kerja (KK) dan Frasa Nama (FN1). Rumus-rumus selanjutnya dalam proses pemasifan ialah Pemenggalan Imbuhan (*Affix Segmentation*), Rumus Penyalinan K (*Copying Rule*) yang menerbitkan pelbagai imbuhan struktur pasif, dan Rumus-Rumus Pasif dan Agen yang memindahkan subjek dalaman (*Underlying Subject*) menjadi FS dengan penyisipan sendi nama oleh FS oleh + FN itu dapat dikedepankan melalui Rumus Pendepanan frasa sendi nama. Penerapan Rumus Pemenggalan Imbuhan dan Rumus Agen pada penanda frasa (2) menghasilkan penanda frasa (3) yang berikut:



Rumus agen yang menghasilkan *oleh + FN* berlaku dengan adanya fitur <+pas > pada FN1. Rumus Pemenggalan Imbuhan menyalin fitur KK dan memasukkan segmen imbuhan. Pada peringkat ini berlaku penerapan Rumus-rumus


Penempatan Imbuan yang menentukan jenis imbuan. Bagi fitur <+111>, iaitu diri ketiga pada nod KK, misalnya, rumus tersebut menghasilkan imbuan di-, seperti dalam penanda frasa yang berikut:

4.




Jika fiturnya ialah <+11 >, iaitu diri kedua, imbuan yang terhasil ialah kau dan jika <+ 1 >, iaitu diri pertama, imbuhan ialah ku (contoh KGD2), seperti dalam penanda-penanda frasa (5) dan (6) yang berikut:

(5)



(6)



Apabila kau dan ku dihasilkan nod oleh + FN secara wajib digugurkan. Dengan demikian tidak akan terhasil ayat-ayat seperti yang berikut:

(7)a. * Kasut itu ku pakai oleh + FN

(7)b. * Kasut itu kau pakai oleh + FN

Tetapi apabila *di-* dihasilkan, maka ayat yang berikut boleh dihasilkan:

(8). Kasut itu dipakai oleh + FN

Walaupun secara pilihan oleh + FN itu boleh digugurkan melalui Rumus Pengguguran (pilihan), seperti dalam ayat yang berikut:

(9). Kasut itu dipakai.

Demikian juga fitur di bawah nod FK terdiri daripada <+ pas>, <+ ter ->, misalnya, maka Rumus Penempatan Imbuhan akan menghasilkan imbuhan ter-, seperti dalam penanda ftasa yang berikut:

(10)

